

PERANAN SULH DAN MEDIASI DALAM KONFLIK KELUARGA DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN: IMPLIKASI UNDANG-UNDANG DAN SOSIAL

(The Role of Sulh and Mediation in Family Conflicts in the State of Kedah Darul Aman: Legal and Social Implications)

Nur Anis Abu Bakar¹
nuranishidayah7@gmail.com

Nur Sarah Tajul Urus²
nursarah@unishams.edu.my

Mohd Hazwan Ismail³
mhazwan@unishams.edu.my

Kulliyyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.^{1,2 &3}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):²

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nur Anis Abu Bakar, Nur Sarah Tajul Urus, & Mohd Hazwan Ismail. (2025). Peranan sulh dan mediasi dalam konflik keluarga di negeri Kedah Darul Aman: Implikasi undang-undang dan sosial. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(2), 211–236. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no2)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit bargaining
(*This article has gone peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	8/4/2025	Semakan: <i>Revised</i>	15/6/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	3/7/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	31/7/2025
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	----------	---	-----------

Abstrak

Kajian ini memfokuskan peranan sulh dan mediasi dalam penyelesaian konflik kekeluargaan di Negeri Kedah Darul Aman dengan tumpuan diberikan terhadap implikasi undang-undang dan sosial dalam masyarakat setempat. Sulh yang berlandaskan prinsip syariah menekankan aspek spiritual dan emosional, menjadikannya lebih sesuai bagi komuniti yang mengutamakan nilai agama dan budaya tradisional. Sebaliknya, mediasi dalam mahkamah sivil menawarkan pendekatan yang lebih rasional, profesional dan fleksibel yang menjadikannya lebih inklusif bagi masyarakat yang pelbagai. Kajian ini turut mengkaji

aspek sosiobudaya, seperti nilai kekeluargaan, adat resam dan pengaruh agama, dalam penentuan keberkesanan kedua-dua mekanisme. Selain itu, norma baharu, seperti teknologi dan mediasi dalam talian, dianalisis bagi memahami cabaran dan peluang bagi memastikan kepekaan budaya terus dipelihara. Menerusi pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis dokumen perundangan dan kajian terdahulu, kajian ini memfokuskan cara integrasi antara elemen tradisional dengan teknologi moden mampu meningkatkan keberkesanan sulh dan mediasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa sistem penyelesaian konflik keluarga di Kedah masih berasaskan pendekatan tradisional tanpa penerapan inovasi teknologi, namun berpotensi untuk diperkasakan dengan integrasi teknologi bagi meningkatkan kecekapan dan kebolehcapaian. Oleh itu, pengkaji mencadangkan latihan intensif bagi pegawai sulh dan mediator dalam aspek norma budaya dan teknologi, serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang manfaat kedua-dua kaedah ini. Langkah ini penting untuk memastikan sulh dan mediasi kekal relevan, berkesan dan responsif terhadap keperluan masyarakat kontemporari, serta menyokong pembangunan institusi keluarga dalam ekosistem sosial yang makin dinamik.

Kata kunci: Sulh dan mediasi, konflik keluarga, sosial, perundangan, masyarakat, implikasi undang-undang

Abstract

This study explores the role of sulh and mediation in resolving family conflicts in Kedah Darul Aman, with a particular focus on their legal and social implications within the local community. Sulh, grounded in Sharia principles, adopts a spiritually and emotionally driven approach, rendering it particularly suitable for communities that uphold religious and traditional values. Conversely, mediation practised in civil courts follows a more rational, professional, and adaptable framework, making it an inclusive method for diverse societies. The study also examines socio-cultural dimensions, including family values, customs, and religious influences, to assess the effectiveness of both mechanisms in conflict resolution. Additionally, emerging developments such as technological integration and online mediation are analysed to identify challenges and opportunities in maintaining cultural sensitivity. Employing a qualitative methodology encompassing legal document analysis and a review of existing literature, the research highlights how the integration of traditional values with technological advancements can enhance the effectiveness of sulh and mediation. Findings suggest that Kedah's family conflict resolution system remains predominantly traditional with

minimal technological adaptation, yet there is considerable potential for enhancing efficiency and accessibility through digital integration. Consequently, the study advocates for comprehensive training programmes for sulh officers and mediators, equipping them with expertise in cultural norms and technological applications, alongside initiatives to raise public awareness of the benefits associated with both approaches. These measures are crucial in ensuring the continued relevance, effectiveness, and adaptability of sulh and mediation in addressing contemporary social dynamics while reinforcing the stability of familial institutions in an evolving societal framework.

Keywords: Sulh and mediation, family conflicts, legal, social, legal, community implications

PENDAHULUAN

Dalam konteks undang-undang kekeluargaan di Malaysia, sulh dan mediasi berperanan penting sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian yang bertujuan untuk memelihara keharmonian masyarakat dan memperkukuh institusi kekeluargaan. Sulh yang berasaskan prinsip syariah sering digunakan dalam mahkamah syariah bagi menangani konflik kekeluargaan, termasuklah perceraian, hak penjagaan anak dan nafkah. Pendekatan ini menitikberatkan musyawarah berasaskan nilai agama dan tradisi yang menjadikannya lebih sesuai untuk masyarakat yang mempunyai pegangan kuat terhadap nilai budaya dan keagamaan sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Nisa' ayat 114 (Tafsir Pimpinan al-Quran kepada Pengertian al-Quran, 2013).

Sebaliknya, mediasi yang dikendalikan melalui Pusat Mediasi Mahkamah di mahkamah tinggi sivil menjadi pendekatan alternatif yang meluas dalam sistem perundangan sivil, serta menawarkan penyelesaian konflik yang profesional dan rasional (Muhammad Amrullah Drs Nasrul et al., 2024). Kaedah ini sering digunakan dalam kes yang melibatkan pihak daripada latar belakang budaya yang pelbagai, dengan fasilitator neutral memastikan keputusan yang adil dan dapat diterima oleh kedua-dua pihak. Dengan fleksibiliti yang tinggi, mediasi menjadi pilihan utama dalam situasi yang memerlukan pendekatan universal dan inklusif. Dalam konteks perundangan keluarga, hak kanak-kanak perlu diberikan perhatian, terutamanya melalui kaedah sulh dan mediasi, dengan penekanan terhadap kesedaran masyarakat dan pertimbangan perspektif sosial (Ainul Ahmad et al., 2023).

Negeri Kedah merupakan negeri yang unik dari segi budaya, adat resam dan pengaruh Islam. Hal ini menjadikannya latar yang menarik untuk kajian pelaksanaan sulh dan mediasi sebagai mekanisme penyelesaian konflik keluarga. Dengan masyarakat yang menghargai tradisi kekeluargaan dan nilai agama, Kedah menawarkan peluang ideal untuk penerokaan cara elemen budaya dan agama mempengaruhi keberkesanan kedua-dua kaedah ini.

Selain itu, kajian ini turut mengambil kira cabaran pada masa ini, termasuklah norma baharu, seperti penggunaan teknologi dalam mediasi yang berupaya mempercepat proses penyelesaian pertikaian sambil mengekalkan aspek kepekaan budaya. Melalui analisis ini, pengkaji ingin memahami peranan sulh dan mediasi dalam peningkatan keharmonian keluarga, serta merangka pendekatan yang lebih relevan bagi memenuhi keperluan masyarakat pada masa hadapan.

Dalam konteks sistem perundangan Malaysia yang mengamalkan dualisme, mediasi dalam mahkamah syariah dan mahkamah sivil digunakan sebagai pendekatan alternatif yang berkesan dalam penyelesaian konflik keluarga dan pertikaian lain, seterusnya memberikan penyelesaian yang lebih fleksibel dan lestari (Hendun Abd Rahman Shah et al., 2025).

KAJIAN LEPAS

Kajian terdahulu membuktikan bahawa sulh dan mediasi berperanan penting dalam penyelesaian konflik rumah tangga, terutamanya dalam sistem perundangan syariah di Malaysia. Hendun Abd. Rahman Shah et al. (2022) membincangkan konsep sulh–mediasi dalam talian sebagai alternatif ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada era pandemik Covid-19. Pendekatan ini membolehkan konflik rumah tangga diselesaikan secara dalam talian ketika masyarakat tidak dapat berurusan secara langsung dengan agensi yang berkaitan.

Nur Zulfah Md Abdul Salam dan Noor Shamimi Afikah Mohammad Fadli (2023) pula mengupas cara pelanggan yang melantik peguam dapat mengendalikan kes secara dalam talian melalui Arahan Amalan tanpa mengganggu pegawai sulh. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini masih tertakluk pada Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Kaedah-kaedah Tatacara Mal dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Hadenan Towpek & Ahmad Shah Affandie, 2023).

Dalam konteks keberkesanan sulh, Hasnizam Hashim et al. (2024) menyatakan bahawa sulh yang berpandukan prinsip syariah berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian secara damai yang sistematik

seiring dengan pembangunan mampan dan keadilan sosial dalam sistem perundangan syariah Malaysia.

Dari aspek sejarah, penyelesaian konflik secara damai telah diamalkan dalam pelbagai budaya dan agama tanpa campur tangan institusi pengadilan formal. Dalam Islam, sulh dan tahkim menjadi kaedah utama masyarakat Arab bagi menyelesaikan konflik komersial, kekeluargaan dan suku dengan peranan hakam sebagai jurudamai. Tambahan pula, nabi Muhammad SAW pernah bertindak sebagai hakam dalam pertikaian kaum Quraysh, seterusnya membuktikan kepentingan penyelesaian konflik secara muafakat dan harmoni (Raihanah Azahari, 2004).

Dalam amalan semasa, kebanyakan kes konflik rumah tangga di mahkamah syariah merangkumi perceraian, permohonan nafkah dan tunggakan nafkah. Menurut Fathin Shahirah Abd Rahim et al. (2023), tunggakan nafkah dapat diselesaikan melalui sulh sekiranya terdapat aduan daripada pengadu sebelum kes dibawa ke mahkamah. Penyelesaian melalui sulh juga dapat mengurangkan kos dan menjimatkan masa kerana tidak perlu hadir ke mahkamah. Hal ini dikatakan demikian kerana Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang berada di mahkamah syariah turut memainkan peranan dalam menangani tunggakan nafkah melalui mediasi secara dalam talian melalui telefon (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2022).

Dalam konteks mediasi komuniti, Sa'odah Ahmad et al. (2022b) menyatakan bahawa mediasi berkesan dalam penyelesaian konflik masyarakat secara harmoni. Namun begitu, banyak mediator masih baharu dan memerlukan pengetahuan tambahan, sikap yang tepat dan pengalaman bagi memastikan proses mediasi lebih berkesan. Oleh itu, latihan yang berterusan amat diperlukan untuk memastikan mediasi lebih proaktif. Pada masa yang sama, kerajaan perlu menubuhkan pusat mediasi komuniti bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyelesaian konflik.

Permasalahan Kajian

Pertikaian kekeluargaan di Malaysia biasanya kompleks, melibatkan pelbagai dimensi, seperti budaya, agama, emosi dan hubungan interpersonal. Dalam konteks ini, sulh dan mediasi berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian konflik yang penting, namun masih terdapat beberapa isu kritikal yang perlu ditangani untuk memastikan keberkesanannya bagi memenuhi keperluan masyarakat yang makin berubah.

Pertama, masyarakat Malaysia, khususnya di Kedah, masih mengutamakan nilai tradisional dan agama dalam penyelesaian konflik kekeluargaan (Haslindawati Saari, 2022). Sulh yang berpaksikan prinsip syariah lebih sesuai untuk masyarakat konservatif yang menghormati musyawarah sebagai mekanisme penyelesaian konflik. Namun begitu, dalam sekitaran yang makin global, masyarakat moden dan kosmopolitan yang terbuka terhadap inovasi teknologi mula mempersoalkan keberkesanan sulh bagi menangani cabaran kontemporari.

Kedua, mediasi sering dianggap lebih rasional dan neutral yang menjadikannya pilihan yang sesuai untuk kes yang melibatkan pihak daripada latar belakang budaya atau agama yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, penerimaan mediasi dalam masyarakat tradisional, khususnya yang mengutamakan nilai agama, sering terhad kerana mungkin disebabkan oleh kurangnya penekanan terhadap aspek spiritual dan budaya (Zaliza Zubir & Zuliana Zubir, 2014).

Ketiga, norma baharu, seperti mediasi dalam talian, mewujudkan dimensi baharu dalam penyelesaian konflik dengan tawaran fleksibiliti dan kebolehcapaian yang lebih tinggi. Namun begitu, wujud persoalan, sama ada nilai budaya dan sensitiviti agama, dapat dikekalkan dalam cara ini atau tidak (Hendun Abd. Rahman Shah et al., 2022). Selain itu, penyediaan latihan untuk pegawai sulh dan mediator menjadi cabaran utama kerana terdapat keperluan penguasaan teknologi tanpa mengorbankan elemen tradisional dan sensitiviti sosial.

Walaupun pengkaji terdahulu telah mengkaji peranan sulh dan mediasi, masih terdapat jurang dalam penyelidikan mengenai perspektif undang-undang, sosiobudaya dan norma baharu yang mempengaruhi keberkesanan kedua-dua kaedah ini. Selain itu, kajian mengenai integrasi antara pendekatan tradisional dan inovasi teknologi, serta cara mekanisme ini dapat disesuaikan dengan konteks sosiobudaya tempatan masih kurang.

Objektif Kajian

1. Mengkaji konsep keberkesanan sulh dan mediasi dalam kalangan masyarakat Kedah dengan mengambil kira perubahan budaya dan norma sosial yang mempengaruhi kaedah penyelesaian konflik kekeluargaan.
2. Menganalisis integrasi teknologi dalam sulh dan mediasi bagi memastikan inovasi dapat dimanfaatkan tanpa menjejaskan nilai agama dan sensitiviti budaya dalam penyelesaian konflik.

3. Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi pemerkasaan kaedah penyelesaian konflik, termasuklah meningkatkan latihan dan kompetensi mediator, dan pegawai sulh agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pada era digital.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis konsep sebagai asas utama. Pendekatan ini dipilih kerana memberikan pemahaman yang mendalam tentang konsep, prinsip dan pelaksanaan sulh dan mediasi dalam konteks undang-undang kekeluargaan, khususnya di Malaysia. Pengkaji memperoleh data daripada dua sumber utama, iaitu dokumen perundangan dan kajian terdahulu bagi membentuk kerangka analisis yang komprehensif.

Dalam kajian ini pengkaji menganalisis undang-undang dan prosedur yang mengawal pelaksanaan sulh dan mediasi dalam kes kekeluargaan. sulh yang berlandaskan prinsip syariah diatur dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dan Mahkamah Syariah, seterusnya menjadikannya mekanisme yang mematuhi norma agama dalam penyelesaian konflik (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Sebaliknya, mediasi berasaskan undang-undang sivil, seperti yang dinyatakan dalam Akta Mediasi 2012, memberikan panduan terperinci tentang pelaksanaan mediasi dalam sistem perundangan Malaysia (Hassan & Ibrahim, 2019). Dokumen ini membentuk kerangka undang-undang bagi memahami prosedur dan batasan yang wujud dalam kedua-dua kaedah penyelesaian pertikaian kekeluargaan.

Di samping itu, pengkaji turut mengintegrasikan penyelidikan akademik yang menilai keberkesanan sulh dan mediasi dalam konteks budaya dan norma baharu. Pengkaji terdahulu mendapati bahawa sulh lebih diterima dalam masyarakat yang berpegang kuat terhadap nilai agama dan tradisi kerana menekankan aspek spiritual dan moral dalam penyelesaian konfliknya (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Sebaliknya, mediasi lebih efektif dalam masyarakat pelbagai budaya kerana pendekatannya yang lebih neutral dan rasional yang membolehkan penyelesaian konflik dilakukan dengan lebih fleksibel (Hassan & Ibrahim, 2019).

Namun begitu, penyelidikan berikutnya juga menggariskan cabaran utama bagi memastikan keberkesanan kedua-dua kaedah dalam konteks masyarakat moden yang makin bergantung pada norma baharu, seperti

teknologi dalam mediasi (Omar, 2018). Hal ini menimbulkan persoalan tentang cara integrasi antara teknologi dengan sensitiviti budaya dapat dilakukan tanpa menjejaskan prinsip asas dalam penyelesaian konflik kekeluargaan.

Melalui gabungan analisis dokumen perundangan dan kajian terdahulu, pengkaji memberikan pandangan yang menyeluruh tentang peranan, cabaran dan potensi sulh, serta mediasi dalam konteks undang-undang kekeluargaan di Malaysia. Penelitian lanjut diperlukan bagi menilai cara kedua-dua pendekatan ini dapat disesuaikan dengan norma baharu, termasuklah penggunaan teknologi dalam penyelesaian konflik tanpa menjejaskan nilai agama dan budaya masyarakat setempat.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Sulh merujuk proses perundingan antara dua pihak yang bertikai untuk mencapai penyelesaian secara harmoni tanpa menjejaskan hak mana-mana pihak. Dalam Islam, penyelesaian konflik tidak ditentukan secara keras tanpa memastikan keadilan, sebaliknya dilakukan melalui perundingan dan kata sepakat sebagai jalan terbaik bagi memenuhi hak sesama manusia dan memastikan penyelesaian yang adil dan lestari.

Dari segi bahasa, sulh bermaksud, menamatkan perselisihan atau pertikaian dengan cara yang baik (Al-Bajuri, 1277H, 1860M). Sulh menggambarkan konsep perdamaian yang dicapai secara sukarela untuk mengelakkan permusuhan dan menjaga keharmonian antara pihak yang bertikai. Dari segi istilah pula, sulh merujuk “sesuatu perjanjian atau akad yang dilakukan bagi menamatkan pertikaian melalui pendamaian” (Muhammad ibn Ahmad al-Shirbini al-Khati, 2001). Definisi ini menekankan bahawa sulh bukan sekadar penyelesaian konflik, tetapi mekanisme sistematik yang memastikan kesepakatan dicapai dengan adilnya, serta selaras dengan prinsip keadilan dan kemaslahatan bersama.

Dalam mazhab Hanafi, ibn al-Humam seperti yang dinyatakan dalam Ahmad Kamal al-Din Muhammad Abd al-Wahid ibn al-Humam (t.t) mendefinisikan sulh sebagai suatu perjanjian yang berfungsi untuk mengangkat atau menyelesaikan pertikaian antara pihak yang terlibat. Sementara itu, Muhammad Qadri Basha (1909) menyatakan bahawa sulh merujuk perjanjian terhadap konflik yang telah berlaku, yang kemudiannya diselesaikan melalui persetujuan bersama atau saling menerima, serta memastikan setiap pihak mendapat penyelesaian yang adil.

Dalam mazhab Maliki, Muhammad Yusuf ‘Ātisy (1985) mentakrifkan sulh sebagai penerimaan gantian daripada sesuatu, iaitu mekanisme

penyelesaian konflik yang melibatkan pertukaran atau penggantian hak bagi mencapai kesepakatan antara pihak yang bertikai. Sementara itu, al-Abi al-Azhari (t.t) mendefinisikan sulh sebagai penamatan pertikaian dengan cara menggantikan sesuatu hak milik kepada pemilik yang lain dan menekankan aspek perdamaian melalui pemindahan hak sebagai penyelesaian perselisihan.

Dalam mazhab Syafie, Muḥammad Ahmad Hamzah Shams al-Din al-Ramli (1984) mendefinisikan sulh sebagai perjanjian yang memutuskan pertikaian, iaitu suatu mekanisme penyelesaian konflik yang memastikan pihak yang terlibat mencapai kesepakatan tanpa perlu melalui proses litigasi yang lebih panjang. Sementara itu, Mustofa al-Khin (2016) menegaskan bahawa sulh merujuk pedamaian yang dicapai melalui perbincangan dua hala, apabila pihak yang bertikai diberi ruang untuk berunding secara terbuka bagi mencapai penyelesaian yang adil dan saling menguntungkan.

Dalam mazhab Hambali, Mansur Yunus al-Buhuti (1985) mendefinisikan sulh sebagai proses penyelesaian perselisihan melalui pendamaian yang dicapai setelah pihak yang bertikai mencapai persetujuan bersama. Pendekatan ini menekankan kepentingan rundingan dan muafakat, serta memastikan penyelesaian yang bukan sahaja menghentikan konflik, tetapi juga memulihkan hubungan antara pihak yang terlibat.

Sulh dalam Konteks Kontrak dan Penyelesaian Konflik

Dalam sesuatu kontrak atau akad, kesepakatan antara pihak perlu dicapai terlebih dahulu bagi memastikan perjanjian dapat dilaksanakan dengan stabil dan berkesannya. Namun begitu, jika satu daripada pihak melanggar syarat perjanjian, hal ini dapat mencetuskan pertikaian, mengakibatkan ketidakstabilan, serta berisiko menyebabkan kemusnahan atau kerosakan terhadap kepentingan pihak yang terlibat.

Bagi mengatasi konflik ini, sulh berperanan sebagai mekanisme perundingan yang berasaskan hikmah, iaitu perbincangan dilakukan dengan cara menghormati hak setiap pihak dan berusaha mencapai persetujuan yang adil bagi memastikan penyelesaian yang harmoni dan lestari (Ahmad Kamal al-Din Muḥammad Abd al-Wahid ibn al-Humam, t.t).

Sulh hanya berlaku apabila terdapat pertikaian atau konflik antara pihak yang terlibat. Jika sesuatu perjanjian atau akad tidak mengalami perselisihan, sulh tidak diperlukan dalam konteks penyelesaiannya (Muḥammad Ahmad Hamzah Shams al-Din al-Ramli, 1984).

Sebagai mekanisme utama dalam penyelesaian konflik, sulh berperanan untuk menjamin keadilan, memulihkan hubungan yang terganggu dan mengekalkan kestabilan sosial melalui proses musyawarah dan persetujuan bersama. Menerusi pendekatan ini, sulh bukan sahaja menghilangkan perbalahan, tetapi juga membina semula kesefahaman antara pihak yang bertikai, serta memastikan penyelesaian yang adil dan berkesan dalam sistem perundangan Islam.

Secara praktikalnya, negeri Kedah telah memperuntukkan perkara ini dengan kuasanya dalam Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2014 Negeri Kedah, iaitu:

Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut hukum syarak.

Dalam enakmen tersebut, dijelaskan tentang prosiding sulh yang diperuntukan bagi menyelesaikan konflik sekiranya berlaku antara pihak yang terlibat. Dalam prosiding sulh yang dikendalikan oleh pegawai mahkamah, majlis tersebut tidak boleh dilakukan secara semberono, sebaliknya tertakluk pada kaedah yang diperuntukan dalam Seksyen 247(1) enakmen yang sama, iaitu:

Jawatankuasa Tatacara (Mal) Mahkamah Syariah boleh, membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam Warta, bagi menjalankan peruntukan Enakmen ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan bagi—

(c) tatacara mengenai sulh

Oleh itu, statut mengenai kaedah tatacara sulh telah diwartakan bagi negeri Kedah pada 24 Mei 2018 yang dikenali sebagai Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sulh) (Kedah Darul Aman) 2018. Kaedah tersebut mempunyai empat bahagian, iaitu Permulaan, Penubuhan Majlis Sulh, Tatacara Sulh dan Am.

Bahagian Permulaan merangkumi nama dan permulaan kuat kuasa, pemakaian, tafsiran dan borang. Bahagian penubuhan majlis sulh merangkumi penubuhan majlis sulh, permulaan sulh, tempoh sulh dan pelanjutan masa. Seterusnya, tatacara sulh, perjalanan majlis sulh, perjanjian penyelesaian, penghakiman pengakuan atau persetujuan,

penamatan majlis sulh dan laporan kegagalan penyelesaian. Bagi bahagian terakhir, iaitu Bahagian Keempat dinyatakan etika pegawai sulh Seksyen 15, kerahsiaan Seksyen 16 dan perlindungan pegawai sulh Seksyen 17.

Mediasi pula tertakluk di bawah Akta Pengantaraan 2012 (Akta 749). Dalam tafsiran akta tersebut, suatu proses adalah secara sukarela apabila seseorang pengantara memudahkan komunikasi dan perundingan antara pihak bagi membantu pihak itu untuk mencapai persetujuan berkenaan dengan sesuatu pertikaian. Oleh itu, mediasi bertujuan untuk menyelesaikan masalah konflik sekiranya berlaku melalui komunikasi antara kedua-dua pihak. Dalam proses mediasi di mahkamah sivil, majlis tersebut juga tertakluk melalui kaedah mahkamah.

Dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, di bawah Aturan 34 Kaedah 2(1A) 276-277, dijelaskan bahawa:

“2. Pengurusan kes sebelum bicara apabila diarahkan oleh Mahkamah.

(1) Tanpa menjejaskan kaedah 1, pada bila-bila masa sebelum apa-apa tindakan atau prosiding dibicarakan, Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak untuk menghadiri suatu pengurusan kes sebelum bicara yang berhubungan dengan perkara yang berbangkit dalam tindakan atau prosiding itu.

(1A) Sekiranya hakim Mahkamah Tinggi mengenal pasti bahawa suatu isu yang berbangkit dalam tindakan atau prosiding antara pihak-pihak boleh diselesaikan melalui mediasi, hakim itu boleh merujuk pihak-pihak kepada mediasi sebagaimana yang ditetapkan oleh arahan amalan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.”

Dengan berdasarkan kaedah tersebut, perbincangan dapat dilakukan secara mediasi, sama ada mahkamah yang mengarahkannya atau melalui persetujuan antara pihak yang terlibat sekiranya perlu. Sesuatu pertikaian dapat diselesaikan dengan cara mediasi antara pihak yang bertikai bersama-sama dengan pegawai mediasi yang akan mempengerusikan majlis tersebut. Oleh itu, pengaplikasian kaedah tersebut juga dapat dirujuk melalui arahan amalan yang sesuai dengan keadaan semasa.

Dalam Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 2 Tahun 2022, Urusan dan Tatacara Pengantaraan (Mediasi) bagi Kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah yang dikeluarkan pada 24 Mac 2022, norma baharu dimasukkan melalui proses mediasi secara sidang video. Antara penjelasan dan syarat untuk mengadakan sidang video dalam sesi mediasi termasuklah:

1. Pusat Mediasi boleh menetapkan proses mediasi untuk dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh iaitu secara sidang video. Notis pemakluman berhubung kaedah proses secara sidang video akan dimaklumkan kepada pihak-pihak selewat-lewatnya satu minggu daripada tarikh proses mediasi yang ditetapkan.
2. Bagi tujuan untuk memastikan proses mediasi secara sidang video dapat dijalankan, pihak-pihak hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:
 - (a) pihak-pihak memahami proses mediasi yang akan dijalankan secara sidang video;
 - (b) pihak-pihak mempunyai keupayaan untuk menghadiri proses mediasi secara sidang video; dan
 - (c) ketersediaan dan kualiti teknologi yang akan digunakan dengan mengambil kira perkakasan, perisian serta kelajuan capaian internet yang perlu disediakan.
3. Pada tarikh proses mediasi, pihak-pihak hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:
 - (a) pihak-pihak yang menghadiri prosiding perbicaraan;-
 - (i) telah menerima pautan prosiding daripada pihak Mahkamah; telah sedia akses masuk selewat-lewatnya tiga puluh (30) minit sebelum prosiding dijalankan;
 - (ii) tidak menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada pihak yang tidak berkaitan dengan prosiding kecuali dengan kebenaran Mahkamah. Mana-mana pihak yang menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada pihak lain tanpa kebenaran, tidak akan diterima masuk ke dalam platform sidang video tersebut;
 - (iii) berada di bilik yang bebas daripada sebarang gangguan bising dengan pencahayaan yang terang semasa sidang video; dan
 - (iv) mikrofon sentiasa dalam keadaan senyap (mute) kecuali semasa pihak-pihak tersebut ingin berkomunikasi dalam proses mediasi tersebut sahaja; dan
 - (b) memaklumkan kepada Mahkamah apa-apa isu teknikal atau logistik yang berbangkit dan menjejaskan prosiding tersebut.
4. Sekiranya terdapat gangguan teknikal kepada platform sidang video melebihi daripada lima belas (15) minit, proses mediasi akan ditangguhkan dan tarikh baharu bagi proses mediasi akan ditetapkan.”

Pengertian Mediasi dan Perbezaannya dengan Sulh

Mediasi ialah proses penyelesaian pertikaian secara aman yang melibatkan pihak yang bertikai dengan bantuan seorang mediator neutral yang bertindak sebagai fasilitator untuk membantu kedua-dua pihak mencapai kata sepakat. Mediasi bersifat fleksibel dan tidak berpihak, serta memberikan ruang kepada pihak yang terlibat untuk menentukan penyelesaian sendiri tanpa bergantung pada keputusan mahkamah. Proses ini digunakan dalam pelbagai konteks, termasuklah konflik keluarga, perniagaan dan perundangan sivil, seterusnya menjadikannya lebih inklusif dan terbuka kepada pelbagai latar belakang budaya.

Sebaliknya, sulh merupakan kaedah penyelesaian pertikaian yang lebih khusus dalam sistem perundangan Islam dan mahkamah syariah. Sulh berpaksikan prinsip syariah, iaitu penyelesaian yang dicapai mesti selari dengan hukum, iaitu halal dan haram. Dalam proses sulh, pegawai sulh bertindak sebagai perantara bagi membantu pihak yang terlibat untuk mencapai persetujuan berdasarkan nilai agama, adat dan norma sosial. Oleh itu, pendekatan ini lebih diterima dalam masyarakat yang mengutamakan nilai tradisional dan agama.

Perincian mengenai konsep dan peranan dalam sulh dan mediasi, serta pengaruh elemen sosiobudaya, serta penambahbaikan sulh dan mediasi dalam norma baharu dapat dilihat dalam tiga perkara. Pertama, kajian konsep dan keberkesanan sulh dan mediasi dalam masyarakat Kedah. Kedua, analisis integrasi teknologi dalam sulh dan mediasi. Ketiga, cadangan penambahbaikan bagi pemeraksanaan kaedah penyelesaian konflik.

Kajian Konsep Keberkesanan Sulh dan Mediasi dalam Masyarakat Kedah

Perkara ini menumpukan kajian terhadap konsep keberkesanan sulh dan mediasi dalam masyarakat Kedah dengan mengambil kira perubahan budaya dan norma sosial yang mempengaruhi kaedah penyelesaian konflik kekeluargaan. Kajian ini bertujuan untuk memahami konsep asas sulh dan mediasi sebagai instrumen utama dalam penyelesaian konflik kekeluargaan. Sulh yang berlandaskan prinsip syariah menekankan musyawarah dan penyelesaian secara damai, terutamanya dalam konteks mahkamah syariah (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Pendekatan ini juga selari dengan ajaran Rasulullah SAW dalam *Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi* (1352), iaitu perdamaian itu dibolehkan antara

orang muslim, kecuali perdamaian untuk mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.

Dalam konsep sulh, prinsip halal dan haram berperanan penting dalam penentuan bentuk penyelesaian yang boleh diterima, terutamanya dalam kes yang berkaitan dengan hal ehwal Islam. Jika pertikaian melibatkan perkara haram dalam hukum syariah, penyelesaian melalui sulh tidak boleh mengabaikan ketetapan agama kerana melibatkan prinsip yang fundamental. Sebaliknya, mediasi di mahkamah sivil lebih neutral dan fleksibel, serta tidak terikat dengan konsep halal dan haram, seterusnya menjadikannya lebih sesuai untuk kes yang melibatkan pihak daripada latar belakang yang berbeza-beza (Hassan & Ibrahim, 2019). Seterusnya, pengkaji membincangkan perbandingan sulh dan mediasi dalam penyelesaian konflik kekeluargaan dan keperluan sulh dan mediasi dalam pemeliharaan keharmonian keluarga.

i) Perbandingan Sulh dan Mediasi dalam Penyelesaian Konflik Kekeluargaan

Sulh dan mediasi berperanan penting dalam penyelesaian konflik kekeluargaan, namun pendekatan kedua-duanya berbeza. Sulh berpaksikan hukum Islam, serta memastikan penyelesaian selaras dengan prinsip halal dan haram, manakala mediasi lebih neutral dan fleksibel yang membolehkan pihak yang terlibat mencapai persetujuan tanpa terikat pada ketetapan agama (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020).

Dalam kes hadanah (hak penjagaan anak), mahkamah syariah melalui sulh menetapkan bahawa keputusan mestilah selaras dengan hukum Islam, seperti anak tidak boleh diserahkan kepada penjaga yang mengamalkan gaya hidup yang bertentangan dengan Islam, seperti meminum arak atau meninggalkan solat (Hassan & Ibrahim, 2019). Sebaliknya, mahkamah sivil melalui mediasi melakukan penilaian berdasarkan kesejahteraan anak tanpa mengambil kira prinsip halal dan haram (Omar, 2018).

Dalam kes harta pusaka dan hibah, sulh di mahkamah syariah menetapkan bahawa pengagihan harta mesti dilakukan berlandaskan hukum faraid dan sebarang persetujuan yang menyimpang dianggap tidak sah (Al-Buhuti, 1985). Di mahkamah sivil, mediasi membolehkan pewarisan dan agihan harta dilakukan berdasarkan persetujuan bebas antara pihak yang terlibat tanpa terikat pada hukum Islam (Zubir et al., 2014).

Dalam kes perniagaan dan kontrak, sulh di mahkamah syariah tidak mengesahkan kontrak bagi perniagaan yang melibatkan aktiviti haram, seperti perjudian atau penjualan arak, kerana bertentangan dengan hukum Islam (Al-Ramli, 1984). Sebaliknya, mediasi di mahkamah sivil hanya menilai kontrak berdasarkan aspek perundangan sivil tanpa mengambil kira prinsip halal dan haram (Mustofa al-Khin, 2016).

(ii) Keperluan Sulh dan Mediasi dalam Pemeliharaan Keharmonian Keluarga

Sulh dan mediasi berperanan dalam aspek menjamin keadilan dan memastikan hubungan kekeluargaan dapat dipulihkan selepas pertikaian. Sulh lebih menekankan nilai keagamaan dan tradisional, manakala mediasi menawarkan pendekatan rasional dan fleksibel yang sesuai untuk pihak yang mencari penyelesaian tanpa tekanan emosi (Sa'odah Ahmad et al., 2022a).

Selain itu, dengan perkembangan teknologi dan perubahan sosial, pendekatan tradisional sulh dapat diperkemas melalui inovasi, termasuklah mediasi dalam talian, bagi meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan penyelesaian konflik (Hendun Abd. Rahman Shah et al., 2022). Bagi memastikan keberkesanan mekanisme penyelesaian ini dalam konteks masyarakat moden, penyelidik perlu menilai cara integrasi teknologi, norma baharu dan pendekatan inklusif dapat membantu sulh dan mediasi menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan budaya yang makin kompleks (Sa'odah Ahmad et al., 2022a).

Analisis Integrasi Teknologi dalam Sulh dan Mediasi

Perkara ini memfokuskan analisis integrasi teknologi dalam sulh dan mediasi bagi memastikan inovasi dapat dimanfaatkan tanpa menjejaskan nilai agama dan sensitiviti budaya dalam penyelesaian konflik. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis cara elemen sosiobudaya, seperti nilai agama, adat resam dan struktur keluarga, mempengaruhi pelaksanaan sulh dan mediasi dalam penyelesaian konflik kekeluargaan. Negeri Kedah, sebagai latar utama kajian, mempunyai budaya yang kaya dengan adat dan pengaruh Islam, seterusnya menjadikannya asas penting dalam amalan sulh. Norma keluarga dan komuniti turut menjadi peranan utama dalam penerimaan masyarakat terhadap sulh yang sering dianggap selari dengan

prinsip keadilan dalam Islam (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020).

Namun begitu, mediasi lebih fleksibel apabila menangani konflik yang melibatkan pihak daripada latar budaya yang berbeza-beza. Dalam masyarakat pelbagai budaya seperti di Malaysia, mediasi mampu memberikan penyelesaian yang neutral tanpa terikat pada adat dan tradisi tertentu, seterusnya menjadikannya lebih inklusif bagi individu yang memilih pendekatan kompromi berbanding dengan penyelesaian berdasarkan norma agama (Hassan & Ibrahim, 2019).

Analisis elemen sosiobudaya terhadap pelaksanaan sulh dan mediasi merangkumi aspek nilai keluarga, adat resam, kepercayaan agama dan interaksi sosial yang mempengaruhi cara masyarakat menangani konflik kekeluargaan. Faktor, seperti pengaruh agama dalam keputusan, peranan institusi keluarga, serta budaya yang berkaitan dengan kompromi dan pemulihan hubungan, memberikan kesan langsung terhadap keberkesanan mekanisme penyelesaian konflik (Hammad Mohamad Dahalan, 2014). Pengaruh norma baharu dan teknologi terhadap penyelesaian kekeluargaan dibincangkan dalam subbahagian seterusnya.

i) Pengaruh Norma Baharu dan Teknologi terhadap Penyelesaian Kekeluargaan

Perkembangan teknologi dan perubahan sosial menyebabkan transformasi sistem penyelesaian konflik keluarga lebih terbuka, pantas dan berkesan. Antara perubahan utama yang dikenal pasti termasuklah:

1. Mediasi dalam talian – Membolehkan pihak bertikai mencapai kata sepakat tanpa perlu hadir secara fizikal, mempercepat proses, tetapi memerlukan penyesuaian budaya agar sensitiviti emosi dan sosial tetap dikekalkan (Hendun Abd. Rahman Shah et al., 2022).
2. Pengiktirafan dalam sistem perundangan – Sistem perundangan kini makin mengiktiraf penyelesaian alternatif, termasuklah memperluas skop sulh dan mediasi di mahkamah syariah dan di sivil yang menjadikannya lebih berstruktur dan berkesan (Misyal Othman, 2024).
3. Hak kanak-kanak dan gender – Norma baharu, seperti pelibatan aktif kanak-kanak dalam keputusan penjagaan dan kesedaran terhadap hak wanita dalam konflik rumah tangga, menjadi elemen penting bagi memastikan penyelesaian yang adil dan inklusif (Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang, 2021).

Gabungan antara elemen sosiobudaya, perundangan dan norma baharu mencerminkan keperluan untuk mengadaptasikan kaedah penyelesaian konflik yang lebih holistik, seimbang antara tradisi dengan inovasi, serta responsif terhadap perubahan zaman. Sulh dan mediasi perlu diteroka dalam konteks integrasi teknologi bagi memastikan mekanisme penyelesaian kekeluargaan kekal relevan, adil dan berkesan tanpa mengorbankan nilai agama dan sensitiviti budaya masyarakat.

Cadangan Penambahbaikan bagi Pemerkasaan Kaedah Penyelesaian Konflik

Bahagian ini mengandungi cadangan penambahbaikan bagi pemerkasaan kaedah penyelesaian konflik, termasuklah meningkatkan latihan dan kompetensi terhadap mediator dan pegawai sulh agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pada era digital. Bagi menghadapi cabaran penyelesaian konflik kekeluargaan, pendekatan bersepadu dan strategik diperlukan bagi memastikan sulh dan mediasi kekal relevan, serta mampu menangani kedinamikan sosial dan teknologi yang makin kompleks. Mediasi dalam talian menawarkan kecekapan dan kebolehcapaian yang lebih baik, namun penyesuaian budaya tetap diperlukan bagi memastikan penyelesaian konflik selaras dengan nilai sosial dan sensitiviti masyarakat (Omar, 2018). Seterusnya, pengkaji membincangkan integrasi antara teknologi dengan latihan bagi pegawai sulh dan mediator, pendekatan bersepadu dalam mediasi dan sulh, analisis sulh dan mediasi dalam penyelesaian konflik kekeluargaan, pengaruh norma baharu dan teknologi dalam mediasi, perbandingan antara sulh dengan mediasi: perbandingan dalam konteks kekeluargaan, integrasi tradisi dan teknologi dalam sulh dan mediasi, kesimpulan dan cadangan penambahbaikan sulh dan mediasi dalam penyelesaian konflik kekeluargaan dan usaha penambahbaikan sulh dan mediasi dalam norma baharu.

i) Integrasi antara Teknologi dengan Latihan bagi Pegawai Sulh dan Mediator

Bagi memastikan keberkesanan sulh dan mediasi, integrasi antara elemen tradisional dan teknologi moden perlu dilakukan secara berstruktur dan sistematik. Strategi utama yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

1. Pembangunan platform mediasi dalam talian yang sensitif terhadap budaya dan nilai sosial masyarakat, serta memastikan capaian yang

lebih luas tanpa mengabaikan aspek emosi dan psikologi pihak bertikai (Hassan & Ibrahim, 2019).

2. Latihan intensif bagi pegawai sulh dan mediator untuk menguasai teknologi dan memahami implikasi budaya dalam proses penyelesaian konflik bagi membolehkannya memberikan bimbingan yang holistik dan berkesan (Hammad Mohamad Dahalan, 2014).
3. Kesedaran masyarakat mengenai manfaat sulh dan mediasi melalui pendidikan dan program kesedaran supaya pihak bertikai memahami kelebihan penyelesaian secara harmoni tanpa perlu melalui litigasi yang panjang dan membebankan (Hendun Abd. Rahman Shah et al., 2022).

ii) Pendekatan Bersepadu dalam Mediasi dan Sulh

Pendekatan bersepadu dalam mediasi dalam talian menekankan aspek teknologi, kepekaan budaya, kecekapan, dan kebolehcapaian bagi memastikan penyelesaian konflik kekeluargaan berlangsung secara berkesan dan inklusif. Aspek utama dalam pendekatan ini adalah seperti yang berikut:

1. Kecekapan dan kebolehcapaian – Mediasi dalam talian mempercepat proses penyelesaian konflik dan meningkatkan capaian terhadap perkhidmatan perundangan, seterusnya membolehkan penyelesaian dilakukan secara lebih fleksibel.
2. Penyesuaian budaya – Kepekaan terhadap nilai sosial dan norma masyarakat perlu dikekalkan agar mediasi tetap berkesan, khususnya bagi individu yang lebih selesa dengan pendekatan tradisional, seperti sulh dalam mahkamah syariah (Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang, 2021).
3. Integrasi antara teknologi dengan nilai sosial – Teknologi dapat digunakan sebagai alat pemudah cara dalam penyelesaian konflik, tetapi harus disesuaikan dengan keperluan psikologi, emosi dan budaya pihak bertikai bagi menjamin hasil yang adil dan berkesan (Misyail Othman, 2024).

Oleh hal yang demikian, pendekatan ini dapat memastikan bahawa transformasi sistem penyelesaian konflik tidak hanya tertumpu pada teknologi, tetapi juga mengambil kira aspek budaya, sosial

dan keadilan, seterusnya menjadikannya kaedah yang lebih holistik dan lestari bagi menghadapi cabaran era moden.

iii) Analisis Sulh dan Mediasi dalam Penyelesaian Konflik Kekeluargaan

Sulh dan mediasi merupakan mekanisme penyelesaian konflik kekeluargaan yang berbeza, tetapi saling melengkapi. Sulh yang berpaksikan prinsip syariah menekankan penyelesaian melalui musyawarah dan perdamaian, serta mengekalkan keharmonian dan keadilan berlandaskan nilai Islam (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Saidina Umar al-Khattab r.a. pernah menegaskan kepentingan musyawarah dalam penyelesaian konflik seperti yang dinyatakan dalam Abu Bakar Abdul Razak Hamam al-Sana'ani (1983, hlm 304) yang bermaksud “Suruhlah mereka yang bertelingkahan supaya duduk semeja agar mereka berunding. Jika hakim memutuskannya, mereka akan saling benci-membenci”.

Proses ini memulihkan hubungan interpersonal antara pihak bertikai sebelum kes dibawa ke mahkamah yang menjadikannya lebih sesuai untuk masyarakat yang berpegang teguh pada nilai agama seperti yang diamalkan di Kedah (Omar, 2018).

Sebaliknya, mediasi lebih berorientasikan rasional dan profesionalisme, dengan fasilitator bertindak secara neutral bagi memastikan kesaksamaan antara kedua-dua pihak. Mediasi juga lebih fleksibel, menjadikannya berkesan dalam kes yang melibatkan individu daripada latar belakang budaya atau kepercayaan yang berbeza-beza (Hassan & Ibrahim, 2019). Pendekatan ini amat relevan dalam masyarakat pelbagai budaya seperti di Malaysia yang perbincangan terbuka dan pragmatik diperlukan dalam proses rundingan.

iv) Pengaruh Norma Baharu dan Teknologi dalam Mediasi

Dengan perkembangan teknologi, norma baharu dalam penyelesaian konflik telah memperkenalkan dimensi tambahan yang memberikan impak terhadap keberkesanan sulh dan mediasi. Contohnya, mediasi dalam talian mempercepat proses perbincangan pertikaian antara kedua-dua pihak dan meningkatkan capaian terhadap pihak yang jauh walaupun menimbulkan cabaran baharu, termasuklah kekurangan hubungan peribadi dan pengabaian elemen budaya tradisional (Hassan & Ibrahim, 2019). Oleh itu, integrasi nilai tradisional dalam teknologi

moden amat diperlukan bagi memastikan sulh dan mediasi kekal relevan dan berkesan dalam konteks masa hadapan.

Konsep ini juga selaras dengan kaedah fiqah yang menyatakan bahawa undang-undang berubah berdasarkan peredaran masa. Hal ini selaras dengan kenyataan Muhammad Yusri Ibrahim (2013) dan Wahbah al-Zuhaili (1997) yang menyatakan bahawa undang-undang berubah dengan perubahan masa.

v) Perbandingan antara Sulh dengan Mediasi: Perbandingan dalam Konteks Kekeluargaan

Sulh dan mediasi ialah mekanisme alternatif dalam penyelesaian konflik kekeluargaan. Sulh berlandaskan syariah, serta diterima dalam komuniti Islam kerana menekankan keadilan berasaskan hukum Islam. Mediasi pula lebih fleksibel dan neutral, serta sesuai bagi individu daripada pelbagai latar budaya yang membolehkan rundingan terbuka tanpa terikat pada prinsip agama tertentu, tetapi masih berorientasikan kesejahteraan bersama.

vi) Integrasi Tradisi dan Teknologi dalam Sulh dan Mediasi

Kemajuan teknologi dan perubahan norma sosial menjadikan mediasi dalam talian sebagai alternatif yang pantas dan berkesan, tetapi perlu diseimbangkan dengan sensitiviti budaya dan psikologi untuk memastikan keberkesanan kaedah ini. Sulh dan mediasi mempunyai kekuatan tersendiri, dan integrasi antara elemen tradisional dengan elemen moden dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyelesaian konflik kekeluargaan untuk masa hadapan yang lebih adil dan harmoni.

Dengan penerapan teknologi dalam pelaksanaan Sulh dan mediasi, sesi penyelesaian konflik kini dapat dilakukan secara atas talian yang menjadikan kaedah ini lebih menjimatkan masa dan tenaga tanpa menjejaskan matlamat utama, iaitu mencapai kesepakatan dalam pertikaian konflik. Kerajaan Malaysia juga menggalakkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam teknologi digital, seterusnya memastikan sistem penyelesaian konflik lebih responsif terhadap keperluan masyarakat moden di seluruh negara, termasuklah di Kedah (Hendun Abd. Rahman Shah et al., 2022).

vii) Kesimpulan dan Cadangan Penambahbaikan Sulh dan Mediasi dalam Penyelesaian Konflik Kekeluargaan

Sulh dan mediasi merupakan instrumen utama dalam penyelesaian konflik kekeluargaan yang menggunakan pendekatan yang unik dan signifikan. Sulh berpaksikan nilai keagamaan dan emosional, seterusnya menjadikannya lebih sesuai dalam masyarakat yang mengutamakan tradisi Islam, manakala mediasi berorientasikan rasionaliti dan keseimbangan, seterusnya menjadikannya pilihan yang lebih fleksibel dan inklusif dalam masyarakat pelbagai budaya (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Kedua-dua kaedah ini saling melengkapi, bukan sahaja dalam penyelesaian konflik, tetapi juga dalam pemulihan hubungan interpersonal dan penjagaan kestabilan sosial.

Hasil kajian menunjukkan bahawa sistem penyelesaian konflik keluarga di Kedah masih berasaskan pendekatan tradisional tanpa penerapan inovasi teknologi. Walau bagaimanapun, terdapat potensi besar untuk meningkatkan kecekapan dan kebolehcapaian menerusi pengintegrasian teknologi dalam penyelesaian konflik. Sebagai contoh, mediasi dalam talian menawarkan penyelesaian yang lebih pantas dan mudah dicapai, tetapi perlu disesuaikan dengan sensitiviti budaya bagi memastikan keberkesanannya tidak terjejas (Hassan & Ibrahim, 2019). Oleh itu, pendekatan yang inovatif yang selaras dengan nilai budaya ialah kunci pemerkasaan institusi keluarga dan keharmonian masyarakat moden.

Pengkaji juga mendapati bahawa sulh lebih diterima dalam masyarakat yang berpegang teguh pada nilai agama dan tradisi, sementara mediasi menawarkan fleksibiliti yang lebih tinggi, terutamanya dalam kes yang melibatkan pihak daripada latar belakang budaya yang berbeza-beza. Walaupun kedua-dua kaedah ini berkongsi matlamat yang sama, iaitu menyelesaikan pertikaian secara damai tanpa melalui litigasi penuh, pendekatan dan prinsipnya tetap berbeza (Omar, 2018).

vii) Usaha Penambahbaikan Sulh dan Mediasi dalam Norma Baharu

Pada era digital, penambahbaikan sulh dan mediasi harus mempertimbangkan integrasi teknologi tanpa menjejaskan nilai agama dan budaya, serta memastikan agar prosesnya adil dan sesuai dengan norma masyarakat (Hendun Abd. Rahman Shah et al., 2022). Pegawai sulh dan mediator perlu dilatih untuk menguasai teknologi digital agar lebih bersedia untuk menangani dinamika norma baharu

dan mengadaptasikan pendekatan penyelesaian yang lebih inklusif dan lestari.

KESIMPULAN

Pendekatan inovatif yang tetap menghormati nilai budaya ialah asas utama dalam pemerkasaan sistem penyelesaian konflik kekeluargaan. Dengan pelaksanaan yang holistik dan berstruktur, keberkesanan sulh dan mediasi dapat ditingkatkan untuk memenuhi keperluan masyarakat moden tanpa mengorbankan tradisi dan nilai agama, seterusnya memastikan keberkesanan jangka panjang dalam usaha untuk menangani pertikaian keluarga secara adil dan harmoni.

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang dapat dikemukakan dalam kajian ini. Pertama, penyedaran latihan untuk pegawai sulh dan mediator. Latihan intensif perlu menekankan pemahaman budaya, sensitiviti agama dan penggunaan teknologi digital dalam proses penyelesaian konflik (Ahmad & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Kedua, pembangunan platform mediasi dalam talian. Platform digital perlu menggabungkan antara elemen tradisional dengan budaya tempatan, seterusnya menjadikannya relevan dalam konteks masyarakat Malaysia, terutamanya di Kedah yang kaya dengan tradisi Islam dan adat (Hassan & Ibrahim, 2019). Ketiga, kajian terhadap norma baharu, seperti mediasi dalam talian perlu memastikan sistem kekal relevan, inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat moden kerana penerimaan sulh dan mediasi di Kedah bergantung pada pengaruh adat, kepercayaan agama dan norma sosial, justeru (Wan Azimin Wan Adnan, & Ahmad Hidayat Buang, 2021).

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Nur Anis Hidayah Abu Bakar: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penganalisan data dan penyediaan draf makalah asal dan draf makalah akhir; Nur Sarah Tajul Urus: Semakan, pengesahan

makalah akhir dan memberi cadangan penambahbaikan; Mohd Hazwan Ismail: Pembaikan beberapa kata dan struktur ayat, serta penghantaran manuskrip akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abd Rahman Shah, Hendun, Mustafa ‘afifi Ab. Halim, & Norfadhilah Mohamad Ali. (2025). Mediation and sulh as an alternative to litigation: A study of the syariah and civil courts practices in Malaysia. *Darulfunun Ilahiyat*, 35, 99–122. <https://doi.org/10.26650/di.2024.35.1562636>.
- Abu Bakar Abdul Razak Hamam al-Sana’ani. (1983/1403). *Musannaf Abd al-Razzaq*. (Juz 8, hlm. 304, hadis no. 15304). al-Maktab al-Islami..
- Ahmad Kamal al-Din Muhammad Abd al-Wahid ibn al-Humam. (t.t.). *Takmilah syarh fath al-qadr ala al-hidayah syarh bidayah al-mubtadi li al-marghinan* (Juz 8, hlm. 403). Dar al-Fikr.
- Ahmad, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2020). Penyelesaian konflik kekeluargaan dalam Islam: Peranan sulh dan mediasi. *Jurnal Syariah*, 28(1), 45–60.
- Ainul Ahmad, Adzidah Yaakob, Kamilah Wati Mohd, Nor Atiqah Mohd Awal, & Mohd al Adib Abdul Samuri. (2023). Hak penyertaan kanak-kanak dalam prosiding sulh (mediasi) di mahkamah syariah. *Journal of Advanced Research Design*, 15(1), 1–14. <https://www.akademiabaru.com/submit/index.php/ard/article/view/4769>
- Fathin Shahirah Abd Rahim, & Mohd Hatim Zuhdi Abd Rahim. (2023). Analisis cabaran pegawai sulh dalam mengendalikan kes tuntutan nafkah anak di mahkamah syariah. *Journal of Law & Governance*, 6(1), 64 – 77.
- Hadenan Towpek, & Ahmad Shah Affandie. (2023). Sulh dalam perundangan Islam: Analisis literatur utama. Dlm. *Proceedings Borneo International*

- Islamic Conference* (Jil. 14, hlm. 96–109). Majmuah Enterprise. <https://ir.uitm.edu.my/116347/1/116347.pdf>
- Hammad Mohamad Dahalan. (2014, 17 – 18 November 2014). *Pengurusan sulh: Peranan, pelaksanaan dan keberkesanannya oleh pegawai sulh*. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/081-PENGURUSAN-SULH.pdf>
- Haslindawati Saari. (2022). *Surat raja-raja dan surat undang-undang: Cerminan sosioekonomi orang Melayu Kedah sehingga awal kurun ke-20* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Hasnizam Hashim, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohamad Aniq Aiman Alias, Zulfaqar Mamat, Lukman Abdul Mutalib, Norman Zakiyy Chow Jen-T'Chiang, & Norma Jusof. (2024). Pelaksanaan sulh dalam Islam: Kajian terhadap sistem perundangan syariah di Malaysia. *LexForensica: Journal of Forensic Justice and Socio-Legal Research*, 1(2), 86–95. <https://doi.org/10.33102/zxq3zs86>
- Hassan, R., & Ibrahim, S. (2019). Keberkesanan mediasi di Mahkamah Sivil Malaysia. *Journal of Legal Studies*, 35(2), 75–88.
- Hendun Abd. Rahman Shah, Siti Maszuriyati Aziz, Norfadhilah Mohamad Ali, Norsuhaida Che Musa, Adzidah Yaakob, Mustafa 'Afifi Ab. Halim, & Nur Umairah Mohd Jais. (2022). Sulh dan mediasi dalam talian dalam konflik kekeluargaan di mahkamah syariah Malaysia: Prospek dan Cabaran Norma Baharu. *Ulum Islamiyyah Journal*, 34(3), 70–80. <https://doi.org/10.33102/uij.vol34no3.490>
- Hendun Abd. Rahman Shah, Siti Maszuriyati Aziz, Norfadhilah Mohamad Ali, Norsuhaida Che Musa, Adzidah Yaakob, Mustafa 'Afifi Ab. Halim, & Nur Umairah Mohd Jais. (2022). Sulh-mediasi dalam talian dalam konflik kekeluargaan di mahkamah syariah Malaysia: Prospek dan cabaran norma baharu. *Ulum Islamiyyah Journal: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 34(3), 70–81. <https://doi.org/10.33102/uij.vol34no3.490>
- Ibrahim al-Bajuri. (1277H, 1860M). *Hashiyah bajuri al-haramian* (Jil. 1, hlm. 271). Dar al-Haramain.
- Mansur Yunus Al-Buhuti. (1985). *Raud al-murbi' bi syarh zad al-mustaqni* (hlm 250). Alam Al-Kutub.
- Misyail Othman. (2024). *A Comparative analysis of sulh in syariah courts and mediation in civil courts*. Misyail Othman & Co.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2022). Penyelesaian pertikaian alternatif secara runding cara ke atas kes tunggakan nafkah di era pandemik Covid-19 di mahkamah syariah Pulau Pinang. *Journal Of Muwafaqat*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v5i1.107>
- Muhammad Ahmad Hamzah Shams al-Din al-Ramli. (1984). *Nihayah al-Muhtaj* (Juz 4, hlm. 382). Dar al-Fikr.

- Muhammad Amrullah Drs Nasrul, Muhamad Helmi Md Said, Nurin Athirah Mohd Alam Shah & Sayuti Ab. Ghani. (2024). Peranan dan cabaran pusat mediasi mahkamah dalam penyelesaian kes pertikaian di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(1), 121–144. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.36(1)no7)
- Muhammad ibn Ahmad al-Shirbini al-Khati. (2001). *Mughni al-Muhtaj* (Jil. 3, hlm. 177). Dar al-Fikr.
- Muhammad Qadri Basha. (1909). *Mursyid al-Hayran ila ma'rifah Ahwal al-Insan* (hlm. 272). Al-Tab'ah al-Amiriyah..
- Muhammad Yusri Ibrahim. (2013a). *Fiqh al-Nawazil lil aqliyat lil muslimah. Taksilan wa tatbiqan* (hlm. 609). Dar Al Yusra.
- Muhammad Yusuf 'Ātisy. (1985). *Kitab al-Nayl wa Syifa al- "Āli* (Juz 13, hlm. 639). Maktabah Al-Irsyad.
- Muhammad ibn Ahmad al-Ramli. (1984). *Fatawa al-Ramli*. Darul Fikr.
- Mustofa al-Khin. (2016). *Fiqh al-Manhaji 'ala mazhab al-Shafi'i* (Jil. 6). Pustaka Salam.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Noor Shamimi Afikah Mohammad Fadli. (2023). Sulh norma baharu: Aplikasi dalam kes mal di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 61–79. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.146>
- Omar, A. (2018). *Keberkesanan mediasi dalam menyelesaikan pertikaian keluarga*. Penerbit USM.
- Raihanah Azahari. (2004). Perkembangan dan pelaksanaan sulh dalam kes-kes pertikaian keluarga di dunia Islam: Sorotan terhadap perkembangan terkini pelaksanaannya di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia. Dlm. Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh, *International Seminar on Islamic thoughts* (hlm. 172 – 191). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sa'odah Ahmad Rojanah Kahar & Muslihah Hasbullah. (2022a). Penyelesaian konflik melalui mediasi: Implikasi sosial dan undang-undang. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 35(1), 78–90. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.3>.
- Sa'odah Ahmad, Rojanah Kahar & Muslihah Hasbullah. (2022b). Knowledge, attitude and practice of community mediators in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 40(2), 45–64. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.3>
- Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran (Edisi ke-22). (2013). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Wahhab al-Zuhaili. (1997). *Al-Fiqhu al-Islami wa Adilatuhu al-Syamil lil adilah al-Syariyah wa al-Arai al-Mazhabiah wa ahammi al-Nazariyat al-Fiqhiyah* (hlm. 139). Dar Al-Fikr.
- Wan Azimin Wan Adnann & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes tuntutan hartanah orang Islam di mahkamah

- syariah di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 131–158. [https://doi.org/10.37052/kanun.33\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.33(1)no6)
- Zaliza Zubir, & Zuliana Zubir. (2014). Pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 93–113.
- Zubir. (2014). *Penyelesaian pertikaian dalam sistem perundangan Islam dan sivil*. Dewan Bahasa dan Pusta.